## JABATAN KERJA RAYA, SABAH
## NEGERI SABAH, MALAYSIA

# KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah **Kod Bidang Perkhidmatan Perunding 330203 (Ukur Tanah)** serta sijil-sijil yang masih belum tamat tempoh sah untuk membuat tawaran bagi perkhidmatan perunding berikut:-

| Ruj. Tender | Butir-Butir Pelawaan | Harga Dokumen Tender (RM) | Kod Bidang Kajian | Tarikh, Masa & Tempat Bagi Taklimat |
|---|---|---|---|---|
| JKR.JUB. 600-1/1/767 | Perkhidmatan Perunding Bidang Ukur Tanah Bagi Projek Membina Jalan Kiambalang – Babagon Toki Inanam, Kota Kinabalu, Sabah | **50.00 Sahaja** | **330203** (Ukur Tanah) | Taklimat dan Lawatan Tapak Tender **TIDAK DIWAJIBKAN.**<br>1. Perunding boleh melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan / maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender.<br>2. Sekiranya petender mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian pelitup muka (*face mask*) adalah perlu diteruskan.<br>3. Rakaman Video/Slaid/Taklimat Projek akan dipaparkan di laman sesawang rasmi JKR Sabah (jkrapps.sabah.gov.my) untuk diakses oleh semua petender yang berminat, sepanjang tempoh tender, mulai 22 Februari 2021. |

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender | : | ***01hb Mac 2021 sehingga 22hb Mac 2021***<br>**Isnin - Khamis** - **8.30 Pagi - 12.00 Tengahari**, **2.00 Petang - 3.00 Petang**<br>**Jumaat** - **8.30 Pagi - 11.00 Pagi**, **2.00 Petang - 3.00 Petang** |
| Tarikh Tutup Tender | : | **22hb Mac 2021 (Isnin - Jam 12.00 Tengahari)** |
| Tempat Memasukkan Tender | : | **Peti Tawaran,<br>Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP),<br>Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan Di Bawah Kendalian Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah,<br>Bangunan Kementerian Kerja Raya Sabah,<br>Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,<br>88582 KOTA KINABALU, SABAH** |

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat Lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh diperolehi semasa waktu pejabat di **Kaunter Bahagian Penjualan Dokumen Tender (Cawangan Ukur Bahan), Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kota Kinabalu, Sabah**. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada perunding-perunding atau wakil - wakilnya yang **SAH** sahaja dengan membawa **'SURAT TAULIAH'** yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat perunding. **Sijil-Sijil yang berkenaan** hendaklah dikemukakan dan sila sediakan satu (1) salinan sijil – sijil semasa hendak mengambil dokumen tender.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "**Cadangan Teknikal**" dan '**Cadangan Kos**" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan seperti yang dinyatakan di atas. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

## PENGARAH KERJA RAYA, SABAH